

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(PENGAJIAN DIPLOMA) 2013**

SUSUNAN KAEDAH

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Kaedah	muka surat
1. Nama, Mula Berkuatkuasa Dan Pemakaian	3
2. Tafsiran	3

**BAHAGIAN II
SYARAT PENERIMAAN MASUK**

3. Kemasukan Ke Program Pengajian Diploma	5
---	---

**BAHAGIAN III
PENDAFTARAN**

4. Pendaftaran Sebagai Pelajar Program Pengajian	6
5. Pendaftaran Kursus	7
6. Pertukaran Program Pengajian	7

**BAHAGIAN IV
BAYARAN**

7. Menjelaskan Bayaran	8
8. Hak Mengubah Kadar Yuran Dan Bayaran	8
9. Tempoh Menjelaskan Yuran Pengajian Dan Bayaran Lain	8
10. Kegagalan Menjelaskan Yuran Pengajian Dan Bayaran Lain	8

**BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

11. Tempoh Program Pengajian	9
12. Tempoh Minimum Dan Tempoh Maksimum Program Pengajian	9
13. Penggantungan Pengajian Pelajar	9

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

14.	Program Pengajian	9
15.	Struktur Program Pengajian	9
16.	Komponen Kursus	9

BAHAGIAN VII
PEPERIKSAAN

17.	Jenis Peperiksaan	10
18.	Jawatankuasa Pemeriksa	10

BAHAGIAN VIII

PENGANUGERAHAN DIPLOMA

19.	Syarat Penganugerahan	10
-----	-----------------------	----

BAHAGIAN IX

AM

20.	Penamatan Status Akademik Pelajar	11
21.	Kuasa Senat Membuat Peraturan	11
22.	Pengecualian Pemakaian	11
23.	Pematuhan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah Dan Peraturan-Peraturan Universiti	11

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (PENGAJIAN DIPLOMA) 2013

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya [P.U. (A) 444/2010] Lembaga Pengarah Universiti Malaya membuat kaedah-kaedah berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Nama, Mula Berkuatkuasa Dan Pemakaian

- (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Pengajian Diploma) 2013 dan hendaklah mula berkuatkuasa mulai Sesi Akademik 2013/2014.
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Malaya yang mengikuti program pengajian Diploma yang dikendalikan oleh Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (kecuali bagi pelajar Diploma Eksekutif) mulai Sesi Akademik 2013/2014.

2. Tafsiran

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“bidang pengajian” ertinya pengkhususan yang ditawarkan di dalam sesuatu program pengajian;

“Jawatankuasa Pemeriksa” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat atas perakuan Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya untuk mempertimbangkan keputusan peperiksaan dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau peraturan-peraturan yang berkenaan;

“Ketua Bahagian” ertinya staf bukan akademik yang dilantik oleh Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya untuk mengetuai sesuatu jabatan/bahagian yang berkenaan;

“kluster” ertinya program-program yang dikenal pasti daripada bidang pengajian yang berkenaan yang diletakkan dalam satu kategori kumpulan;

“kredit” ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

“kredit dapat” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya tetapi gred yang diperolehi bagi kursus tersebut tidak diambil kira di dalam pengiraan Purata Nilai Gred dan Purata Nilai Gred Kumulatif;

“kredit kira” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya dan gred yang diperolehi bagi kursus tersebut diambil kira di dalam pengiraan Purata Nilai Gred dan Purata Nilai Gred Kumulatif;

“kursus” ertinya satu unit pengajian atau latihan yang disediakan dalam satu tempoh tertentu, biasanya dalam satu semester, yang menyumbang kredit kepada sesuatu program pengajian;

“Naib Canselor” ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik bagi Universiti yang dilantik menurut peruntukan subseksyen 12(1) Perlembagaan;

“pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar yang sedang mengikuti mana-mana program pengajian;

“Pendaftar” ertinya seorang pegawai Universiti yang dilantik menurut seksyen 14 Perlembagaan;

“Pengarah” ertinya Pengarah Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya yang dilantik menurut peruntukan subseksyen 24(5) Perlembagaan;

“Pengurus Program” ertinya staf bukan akademik yang dilantik oleh Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya untuk mengurus tadbir program pengajian;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaya;

“Penyelaras Akademik” ertinya staf akademik yang dilantik sepenuh masa atau separuh masa oleh Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya untuk menjalankan tugas berkaitan hal ehwal akademik sesuatu program pengajian;

“PNG” ertinya Purata Nilai Gred yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang diambil dalam sesuatu semester;

“PNGK” ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang telah diambil mulai semester pertama sehingga semester terkini bagi kursus di dalam program pengajiannya;

“program pengajian” ertinya sekumpulan kursus dan/atau latihan yang dirancang dan disediakan bagi memenuhi keperluan untuk dianugerahkan Diploma;

“semester” ertinya sesuatu tempoh tertentu bagi sesuatu sesi mengikut jadual yang telah diluluskan oleh Naib Canselor;

“Senat” ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan menurut peruntukan seksyen 22(1) Perlembagaan;

“Sesi Akademik” ertinya tempoh pengajian sesuatu program pengajian yang terdiri daripada Semester I, Semester II dan Semester III yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Naib Canselor;

“Tahun Kalendar” ertinya jangka waktu (masa) yang lamanya dua belas bulan;

“UMCCed” ertinya Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya;

“Universiti” ertinya Universiti Malaya.

BAHAGIAN II

SYARAT PENERIMAAN MASUK

3. Kemasukan Ke Program Pengajian Diploma

(1) Keperluan/Kelayakan Asas

(a) Setiap calon warganegara yang ingin mengikuti program pengajian Diploma hendaklah memenuhi syarat am seperti berikut:

(i) Lulus SPM/setaraf dengan mendapat **Kepujian** dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia;

atau

(ii) Lain-lain kelayakan yang diiktiraf oleh Senat;

dan

(iii) Memenuhi keperluan khas program yang ditetapkan oleh senat.

(b) Setiap calon bukan warganegara yang ingin mengikuti program pengajian Diploma hendaklah memenuhi syarat am seperti berikut:

- (i) Lulus 'O' Level dengan mendapat sekurang-kurangnya Lulus Penuh dalam **tiga (3)** mata pelajaran atau lain-lain kelulusan yang diiktiraf oleh Senat; dan
 - (ii) Mempunyai salah satu kelayakan Bahasa Inggeris berikut:
 - (A) Skor sebanyak 41 ke atas bagi *Test of English as Foreign Language (TOEFL iBT)*;
 - (B) Band 4 ke atas bagi *International English Language Testing System (IELTS)*; atau
 - (C) Tahap B1 ke atas bagi *Common European Framework of Reference for Languages*; atau
 - (D) Tahap 4 (Pertengahan) ke atas bagi *English Language Proficiency Programme (ELPP)*.
- (2) Kemasukan pelajar ke mana-mana program pengajian Universiti hendaklah setelah memenuhi syarat penerimaan masuk yang ditetapkan oleh Senat dan tertakluk kepada:
- (a) membayar yuran tertentu;
 - (b) disahkan oleh Doktor Perkhidmatan Klinik Kesihatan Pelajar Universiti mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan tidak menghidap apa-apa penyakit atau apa-apa kecacatan anggota yang boleh mengganggu pengajian di Universiti; dan
 - (c) mendaftar sebagai pelajar program pengajian.
- (3) Kemasukan bagi program pengajian adalah pada permulaan Semester I atau Semester II setiap sesi akademik.
- (4) Setiap tawaran kemasukan adalah untuk sesuatu semester dan sesi tertentu.

BAHAGIAN III **PENDAFTARAN**

4. Pendaftaran Sebagai Pelajar Program Pengajian

- (1) Pemohon yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian diploma dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Pengajian Diploma) 2013.
- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3) di bawah, sesiapa yang mendaftar dikenali sebagai pelajar Universiti dan nama pelajar tersebut hendaklah

disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga pelajar berjaya menamatkan program pengajiannya dan Senat mengesahkan pelajar tersebut layak dianugerahkan Diploma atau sehingga atas sebab tertentu pelajar tersebut hilang kelayakannya sebagai pelajar Universiti mengikut mana yang terdahulu.

- (3) Setiap pelajar yang telah mendaftar untuk program pengajian yang telah ditawarkan kepadanya hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti dan sekiranya gagal berbuat demikian akan terhenti daripada menjadi pelajar dan namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar.
- (4) Atas sebab perubahan, seseorang pelajar boleh dipertimbangkan penangguhan pendaftaran pengajiannya. Walau bagaimanapun, penangguhan hanya dibenarkan sehingga kepada semester berikutnya yang ditetapkan oleh Pengarah. Bagi program pengajian yang hanya boleh menerima pelajar pada sesuatu semester sahaja bagi setiap sesi, penangguhan dibenarkan selama satu sesi. Tawaran akan luput sekiranya pelajar tidak juga mendaftar pada semester atau sesi berikut yang berkenaan.
- (5) Walau apapun yang dinyatakan oleh subkaedah (1) di atas dan tertakluk kepada subkaedah (3) di atas, Senat boleh pada bila-bila masa menamatkan pendaftaran mana-mana pelajar atas sebab-sebab yang ditetapkan oleh Senat, tidak mampu meneruskan program pengajiannya. Nama pelajar tersebut hendaklah digugurkan daripada senarai daftar pelajar Universiti dan pelajar tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat yang dibuat menurut peruntukan ini adalah muktamad.
- (6) Pelajar tidak dibenarkan mendaftar serentak lebih daripada satu program pengajian dalam sesuatu jangka masa, sama ada di Universiti atau di institusi atau universiti lain.

5. Pendaftaran Kursus

Setiap pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus yang diambil pada setiap semester mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

6. Pertukaran Program Pengajian

- (1) Pertukaran program pengajian boleh dilakukan oleh seseorang pelajar selepas mendaftar program pengajian asal yang ditawarkan kepadanya tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Pertukaran program pengajian hanya dibenarkan bagi pelajar tahun pertama sahaja dan yang telah mengikuti sekurang-kurangnya satu semester pengajian;
 - (b) Pelajar hanya dibenarkan membuat pertukaran program pengajian sekali sahaja sepanjang tempoh pengajiannya di Universiti;
 - (c) Pelajar hendaklah memenuhi syarat kemasukan program pengajian baharu yang dipohon; dan
 - (d) Pelajar tidak pernah disabitkan tindakan tatatertib.
- (2) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1) di atas, permohonan perlulah dikemukakan kepada Pengarah selewat-lewatnya pada minggu kedua kuliah semester kedua pengajiannya. Kebenaran untuk menukar program pengajian adalah tertakluk kepada kelulusan Pengarah atas perakuan Penyelaras Akademik.

BAHAGIAN IV **BAYARAN**

7. Menjelaskan Bayaran

Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan mengikut peraturan seperti mana yang diperuntukkan dalam peraturan-peraturan Universiti.

8. Hak Mengubah Kadar Yuran Dan Bayaran

Pihak UMCCed mempunyai hak mutlak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada pelajar.

9. Tempoh Menjelaskan Yuran Pengajian Dan Bayaran Lain

Pelajar hendaklah membayar semua yuran pengajian dan bayaran lain yang ditetapkan untuk kursus-kursus yang didaftarkanya dalam tempoh dua minggu dari tarikh permulaan sesi atau semester di mana berkenaan, melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Pengarah.

10. Kegagalan Menjelaskan Yuran Pengajian Dan Bayaran Lain

Kegagalan seseorang pelajar menjelaskan semua yuran pengajian dan bayaran lain yang ditetapkan dalam tempoh satu minggu selepas menerima makluman daripada Ketua Bahagian yang berkenaan boleh menyebabkan pelajar dihalang

daripada menduduki peperiksaan bagi semester berkenaan atau statusnya sebagai pelajar Universiti boleh ditamatkan.

BAHAGIAN V

TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN

11. Tempoh Program Pengajian

Pelajar hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan.

12. Tempoh Minimum Dan Tempoh Maksimum Program Pengajian

Tempoh minimum dan maksimum bagi menyempurnakan sesuatu program pengajian adalah seperti berikut:

Tempoh minimum	:	enam (6) semester
Tempoh maksimum	:	sembilan (9) semester

13. Penggantungan Pengajian Pelajar

Tempoh penggantungan pengajian pelajar yang dikenakan hukuman tatatertib tidak boleh diambilkira dalam tempoh maksimum pengajian.

BAHAGIAN VI

STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

14. Program Pengajian

Program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti adalah seperti mana yang ditetapkan dalam Jadual kepada Kaedah-Kaedah ini dan yang diluluskan dari semasa ke semasa.

15. Struktur Program Pengajian

Pelajar dikehendaki mengikuti dan memenuhi jumlah kredit keseluruhan yang ditetapkan bagi program pengajian berkenaan seperti mana yang diluluskan oleh Senat.

16. Komponen Kursus

- (1) Program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti boleh mengandungi-
 - (a) dua komponen kursus yang terdiri daripada Kursus Wajib Universiti (10% - 30%) dan Kursus Teras Program (70% - 90%); atau

- (b) tiga komponen kursus yang terdiri daripada Kursus Wajib Universiti (10% - 30%), Kursus Teras Program (30% - 60%) dan Kursus Pengkhususan (30% - 40%).
- (2) Bagi maksud subkaedah (1) di atas -
- (a) “Kursus Wajib Universiti” bermaksud kursus-kursus asas yang ditetapkan oleh Universiti;
 - (b) “Kursus Teras Program” bermaksud kursus-kursus yang ditetapkan dalam sesuatu program sebagai keperluan untuk mencapai tahap kemahiran yang cukup dalam bidang pengajian sesuatu program.
 - (c) “Kursus Pengkhususan” bermaksud kursus-kursus yang ditetapkan untuk tujuan memperdalam dan memperluas kefahaman dalam bidang pengkhususan yang dipilih. Pelajar-pelajar di dalam pengkhususan yang berkenaan diwajibkan untuk mengikuti kursus-kursus ini.

BAHAGIAN VII **PEPERIKSAAN**

17. Jenis Peperiksaan

Maka hendaklah ada peperiksaan bagi tiap-tiap program pengajian yang dijalankan oleh Universiti yang boleh dibuat secara ujian bertulis, ujian lisan, amali atau penilaian praktikum, tugasan kursus, penilaian ikhtisas, peperiksaan akhir serta kaedah penilaian lain seperti mana yang diluluskan oleh Senat atas perakuan UMCCed.

18. Jawatankuasa Pemeriksa

Maka hendaklah ada Jawatankuasa Pemeriksa yang berasingan bagi setiap kluster.

BAHAGIAN VIII **PENGANUGERAHAN DIPLOMA**

19. Syarat Penganugerahan

Diploma Universiti boleh dianugerahkan kepada seseorang pelajar yang telah:

- (1) memenuhi segala kehendak Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;

- (2) diperakukan supaya dianugerahkan Diploma oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan diluluskan oleh Senat;
- (3) membayar semua yuran pengajian dan bayaran lain yang ditetapkan; dan
- (4) memenuhi keperluan lain Universiti yang bukan bersifat akademik.

BAHAGIAN IX

AM

20. Penamatan Status Akademik Pelajar

Senat berhak menamatkan status akademik seseorang pelajar yang didapati telah memberikan maklumat palsu atau tidak benar berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti.

21. Kuasa Senat Membuat Peraturan

Senat boleh membuat peraturan-peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini.


22. Pengecualian Pemakaian

Walau apapun yang dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat berhak mengecualikan pemakaian Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini ke atas mana-mana program pengajian Diploma Universiti.

23. Pematuhan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah Dan Peraturan-Peraturan Universiti

Setiap pelajar adalah tertakluk kepada semua peruntukan yang dinyatakan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

Dibuat pada 25hb. April 2013.



Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Malaya

**JADUAL
(KAEDAH 14)**

SENARAI PROGRAM PENGAJIAN

Kluster Keusahawanan, Perniagaan dan Pengurusan

Bil.	Nama Program	Tempoh Minimum Pengajian
1.	Diploma Pengurusan	6 semester
2.	Diploma Pengurusan Sumber Manusia	6 semester
3.	Diploma Pengurusan Perniagaan	6 semester